

## Pengetahuan dan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Terhadap Murid Berkeperluan Khas

*(Knowledge and Involvement of Parents in The Implementation of A Career Transition Program for Students with Special Needs)*

Musfirah Nalini Abd Rashid<sup>1\*</sup>, Aliza Alias<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: musfirah2004@gmail.com

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: eliza@ukm.edu.my

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Musfirah Nalini Abd Rashid  
(musfirah2004@gmail.com)

### KATA KUNCI:

Program Transisi Kerjaya  
Penglibatan Ibu Bapa  
Murid Berkeperluan Khas  
Pelaksanaan  
Pengetahuan

### KEYWORDS:

Career Transition Program  
Parental Involvement  
Students with Special Needs  
Implementation  
Knowledge

### CITATION:

Musfirah Nalini Abd Rashid & Aliza Alias.  
(2023). Pengetahuan dan Penglibatan Ibu  
Bapa dalam Pelaksanaan Program Transisi  
Kerjaya Terhadap Murid Berkeperluan  
Khas. *Malaysian Journal of Social Sciences  
and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002293.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2293>

### ABSTRAK

Kajian ini meneroka penglibatan ibu bapa dan keluarga dalam Program Transisi Kerjaya (PTK) serta pengetahuan mereka mengenai pelaksanaan PTK ini. Ibu bapa berperanan sebagai rangkaian sokongan semula jadi kepada anak-anak-anak. Justeru, ibu bapa perlu berpengetahuan tentang PTK dari aspek kefahaman dan penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan PTK terhadap anak mereka yang berkeperluan khas. Kajian kes ini telah menemu bual 3 orang ibu kepada MBK di Program Pendidikan Khas Integrasi di sebuah sekolah dalam daerah Gombak. Hasil dari analisis temu bual didapati kesemua subjek kajian tidak mempunyai pengetahuan dan penglibatan terhadap PTK kerana tiada pendedahan diberikan kepada mereka. Kajian ini diharapkan dapat memberi impak dan maklumat penting kepada semua pihak yang bertanggungjawab agar melaksanakan PTK dengan lebih meluas dan melibatkan semua pihak.

### ABSTRACT

The involvement of parents and families in the Career Transition Program (CTP) gives an advantage over teachers in approaching students with special needs as the individuals closest to them. It is in line with the involvement of parents outlined in the Transition Program Taxonomy Model, which is that parents act as a natural support network for children. Therefore, this study was carried out to explore parents' knowledge about CTP to see parents' understanding of CTP and parents' involvement in the implementation of CTP for Special Needs Students. In accordance with an exploratory study, a case study was chosen as a research strategy while an interview was chosen as a research technique. In this study, the study population is the parents of students with special needs in the Integrated Special Education Program at a school in Gombak district. A total of 3 students with special needs mothers

were selected as the subjects of this study. The findings of the study show that all the study subjects do not have knowledge and involvement in CTP because no exposure is given to them. This study is expected to give impact and important information to all parties responsible for implementing CTP more widely and involving all parties.

---

**Sumbangan/Keaslian:** Sumbangan utama kajian ini mendapati tahap pengetahuan dan penglibatan ibu bapa dalam Program Transisi Kerjaya (PTK) memberi impak kepada pelaksanaan PTK terhadap Murid Berkeperluan Khas (MBK) di sekolah.

## 1. Pengenalan

Program Transisi Kerjaya (PTK) merupakan salah satu cabang dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang dirangka untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) khususnya setelah tamat persekolahan. Garis Panduan PTK telah menggariskan penglibatan pihak berkepentingan seperti ibu bapa yang akan menjadi penyumbang kepada kelancaran dan kejayaan PTK. Justeru proses transisi MBK ke alam kerjaya selepas tamat persekolahan akan menjadi sukar sekiranya tiada penglibatan ibu bapa. Pelaksanaan PTK melalui institusi pendidikan kini hanya berada pada tahap memuaskan. Pelaksanaan sesebuah PTK memerlukan elemen kolaborasi antara pihak sekolah dan ibu bapa. Justeru itu bagi memastikan kejayaan PTK, hubungan erat antara ibu bapa dan pihak sekolah perlu diusahakan.

Penglibatan ibu bapa merujuk kepada pelbagai tingkah laku ibu bapa yang akan mempengaruhi perkembangan kognitif, emosi, fizikal dan pencapaian anak-anak di sekolah (Asnawi & Farhah, 2020). Penglibatan ibu bapa melalui aktiviti persekolahan anak-anak memainkan peranan yang penting demi mencapai tujuan dan harapan yang diinginkan. Selain daripada itu, ibu bapa perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang jelas mengenai PTK yang dijalankan.

Penglibatan ibu bapa di Amerika Syarikat dalam pelaksanaan PTK masih di tahap rendah (Lusa & Oanh, 2020) manakala dalam kajian lain turut menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Murid Berkeperluan Khas didapati berada pada tahap sederhana (Nurulhuda, 2019). Penglibatan ibu bapa yang digariskan dalam Model Taksonomi Program Transisi iaitu ibu bapa berperanan sebagai rangkaian sokongan semula jadi kepada anak-anak. Ibu bapa berpeluang untuk berkomunikasi secara tidak formal dan mempunyai peluang yang lebih besar untuk melibatkan diri dengan anak-anak. Tanpa penglibatan ibu bapa MBK kurang keyakinan diri berikutan ketidakupayaan yang dialami seterusnya menjadikan MBK tidak yakin untuk berhadapan dengan masyarakat untuk proses transisi ke alam pekerjaan. Perkara ini juga telah menimbulkan persoalan sama ada penglibatan ibu bapa ini adalah disebabkan oleh kurang pengetahuan dan pemahaman yang menyeluruh mengenai PTK yang dilaksanakan di sekolah atau sebaliknya.

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1. Kurikulum Pendidikan Khas Sekolah Menengah

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Kurikulum baru ini digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang ingin memastikan kurikulum yang sesuai dan relevan disediakan bagi murid berkeperluan khas (MBK) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). KSSM Pendidikan Khas yang dilaksanakan di sekolah menengah adalah menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), yang digubal berlandaskan enam tunjang bagi melahirkan insan yang seimbang selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Keenam-enam tunjang berkenaan ialah komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika serta sains dan teknologi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Pada tahun 2006, Kurikulum Khas Vokasional telah diperkenalkan oleh KPM untuk membantu MBK dalam Program Pendidikan Khas Integrasi ke arah penyediaan kerjaya berjaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Terdapat enam komponen iaitu memasak, menjahit, pertanian, kraf tangan, perkhidmatan dan penyelenggaraan dengan kemudahan asas yang terdapat di sekolah berjaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Kurikulum Pendidikan Khas Menengah (SESC) telah diperkenalkan oleh KPM dalam usaha memartabatkan kesamarataan pendidikan bagi MBK. Peluang Pendidikan ini membuka ruang peluang untuk sekolah dan MBK memilih kemahiran yang betul untuk memastikan MBK berkemahiran, berdikari dan berjaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Pada tahun 2019, KPM telah memperkenalkan Program Transisi Kerjaya untuk membantu MBK dari tingkatan satu hingga lima (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Program ini dilaksanakan kepada MBK berdasarkan kemahiran dan kursus yang disediakan oleh sekolah, pusat kemahiran, industri dan Pertubuhan Kerajaan (NGO) Bukan Untung (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Objektif Program Transisi Kerjaya yang dilaksanakan selama lima tahun ini adalah untuk membantu MBK mempunyai kemahiran yang mencukupi dalam bidang pekerjaan sesuai dengan tahap kemampuan mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

## 2.2. Model Taksonomi Program Transisi

Model Taksonomi Program Transisi ditentukan dengan meneliti lima bidang utama taksonomi. Kohler dan Field (2003) mengenal pasti penglibatan keluarga dalam proses peralihan sebagai komponen utama dalam program transisi yang telah berjaya. Dalam penglibatan menyeluruh, terdapat 34 amalan yang telah dikenal pasti dan diletakkan dalam tiga bidang tumpuan: (a) penglibatan keluarga, (b) latihan keluarga, dan (c) pemerksaan keluarga. Taksonomi 2.0 menyediakan panduan tambahan, termasuk butiran khusus Penglibatan Keluarga yang dikemas kini iaitu pengiktirafan budaya dan ibu bapa yang terlibat dalam keseluruhan proses perancangan program transisi. Walaupun Pemerksaan Keluarga mengekalkan niat asal, Latihan Keluarga telah dinamakan semula kepada Persediaan keluarga dan penunjuk tambahan telah diperkenalkan dalam Taksonomi 2.0 iaitu jangkaan dan sokongan yang tinggi. Walau bagaimanapun skop kajian ini hanya akan memfokuskan aspek penglibatan ibu bapa.

Berdasarkan Model Taksonomi, penglibatan ibu bapa mengandungi tiga komponen yang membantu meningkatkan nilai komitmen ibu bapa dalam perancangan program transisi kerjaya. Komponen pertama ialah penglibatan ibu bapa, termasuk penyertaan dalam membuat dasar, penyampaian perkhidmatan, peringkat penilaian dan membuat keputusan, penglibatan ibu bapa sebagai jurulatih, mentor dan rangkaian sokongan dalam

proses transisi. Komponen kedua penglibatan keluarga ialah bidang kuasa ibu bapa, termasuk pra-perancangan Program Pendidikan Individu (IEP), penjagaan anak untuk keluarga, dan kaedah berstruktur untuk mengenal pasti keperluan keluarga. Ibu bapa menyatakan penyertaan yang lebih baik apabila sekolah berusaha untuk berkongsi maklumat dan bekerjasama untuk memupuk perkongsian (Defur et al., 2001). Komponen ketiga ialah latihan ibu bapa, yang merangkumi amalan yang diperlukan oleh ibu bapa seperti penetapan matlamat, sokongan, prosedur IEP, dan pengetahuan agensi berkaitan.

### 2.3. Teori Penglibatan Epstein

Epstein et al. (2002) menyatakan bahawa pelajar belajar dengan lebih berkesan apabila keluarga, sekolah dan komuniti bekerjasama untuk menyokong pembelajaran dan pembangunan pelajar. Hasil kajian beliau telah menyokong pengertian penglibatan ibu bapa dan menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa harus melampaui sekolah dan rumah melalui pendekatan membina jaringan kerjasama antara rumah, sekolah dan masyarakat. Model penglibatan ibu bapa yang telah dikemukakan oleh Epstein dan Salinas (2002) ini menjelaskan berkaitan bentuk-bentuk aktiviti yang boleh dijalankan oleh pihak sekolah dalam usaha menggalakkan penglibatan ibu bapa dan komuniti. Model ini turut menjelaskan tentang penglibatan ibu bapa dalam kehidupan anak mereka kerana ia turut melibatkan hubungan antara ibu bapa dengan pihak luar seperti sekolah dan institusi lain yang boleh membentuk integrasi ke arah membantu perkembangan positif sesebuah keluarga. Model ini menerangkan bahawa terdapat enam jenis elemen penglibatan asas yang perlu bagi ibu bapa iaitu komunikasi, keibubapaan, bantuan sukarela, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan kolaborasi dengan komuniti.

Enam jenis elemen penglibatan ibu bapa ini menyifatkan bahawa ibu bapa yang berpengetahuan dan menumpukan perhatian terhadap latihan yang dijalani oleh anak mereka boleh membawa kesan yang besar kepada sikap dan prestasi anak tersebut (Cano et al., 2016). Hal ini bukan sahaja tertakluk kepada bentuk-bentuk latihan ke arah meningkatkan pencapaian akademik tetapi juga boleh melibatkan aktiviti latihan ke arah meningkatkan penguasaan sesuatu kemahiran yang dipelajari dalam sesebuah program transisi kerjaya. Bimbingan latihan secara berfokus oleh ibu bapa ini adalah sangat penting kerana kelazimannya MBK adalah merupakan murid yang lebih cenderung menghadapi kesukaran untuk menguasai sesuatu kemahiran. Secara umumnya, penglibatan ibu bapa adalah merupakan suatu tindakan dan tingkah laku ibu bapa bagi menyokong keperluan pendidikan anak di rumah dan di sekolah (Vellymalay, 2015).

### 2.4. Program Transisi Kerjaya

Transisi kerjaya merupakan satu proses peralihan dari sekolah menengah ke alam kedewasaan dan kerjaya. Dalam konteks pelaksanaan Program Transisi Kerjaya MBK maka ia adalah lebih menekankan elemen kesediaan MBK untuk berada di alam pekerjaan. Justeru, aspek terpenting dalam Program Transisi Kerjaya ialah kemahiran keboleherjaan iaitu sebelum memasuki fasa industri, MBK perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran asas dan *soft skill* agar mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran pekerjaan. Manakala pendidikan kerjaya adalah arahan yang memfokuskan pada aplikasi kemahiran dan kandungan maklumat yang diperlukan untuk menangani masalah kehidupan seharian, ruang hidup berdikari dan kecenderungan minat vokasional. (Pierangelo & Jacoby, 1996).

Definisi transisi kerjaya mengikut konteks kajian ini pula merujuk kepada sebarang bentuk program atau aktiviti yang dirancang oleh pihak sekolah sama ada yang melibatkan penempatan pelajar menjalani latihan kerjaya di luar kawasan sekolah ataupun tidak. Program transisi yang dibuat adalah melibatkan perancangan susunan aktiviti bagi tujuan mempersiapkan diri MBK pembelajaran dengan kemahiran dan pengetahuan bagi menghadapi alam pekerjaan selepas menamatkan alam persekolahan. Program Transisi Kerjaya merupakan satu gabungan aktiviti untuk pelajar dari sekolah ke aktiviti selepas tamat sekolah. Gabungan aktiviti tersebut adalah merujuk kepada keperluan murid secara individu, dengan mengambil kira pilihan dan minat murid, termasuklah arahan, pengalaman komuniti, perkembangan pekerjaan dan pelbagai objektif kehidupan alam dewasa selepas tamat persekolahan. Pelaksanaan sesebuah PTK memerlukan elemen kolaborasi antara pihak sekolah, ibu bapa, majikan dan ahli komuniti yang lain. [Friend dan Cook \(2010\)](#) ada mengemukakan 5 komponen utama yang perlu ada dalam sesebuah bentuk kolaborasi yang dibina iaitu komitmen peribadi, kemahiran komunikasi, proses interaksi, program dan konteks. Gabungan beberapa komponen ini adalah sangat bermakna dalam pembentukan sesebuah pasukan kolaborasi yang berkesan contohnya bagi pembentukan sebuah pasukan kolaborasi PTK di sesebuah sekolah yang melibatkan ibu bapa.

### 3. Metod Kajian

Umumnya, kajian ini bertujuan untuk meneroka penglibatan ibu bapa MBK terhadap pelaksanaan PTK. Kajian ini dijalankan di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dalam daerah Gombak di Negeri Selangor. Instrumen kajian yang digunakan untuk kajian ini adalah menggunakan reka bentuk penyelidikan kajian kes dan pengumpulan data secara kualitatif. Populasi kajian ini terdiri daripada ibu kepada MBK di Program Pendidikan Khas Integrasi di sebuah sekolah dalam daerah Gombak. Seramai 3 orang ibu MBK dipilih sebagai subjek kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah temu bual semi berstruktur. Analisis data bagi fasa ini akan dilakukan secara analisis bertema ([Braun & Clarke, 2006](#)).

### 4. Hasil Kajian

Seramai tiga orang ibu MBK telah dipilih sebagai peserta kajian. Latar belakang yang berbeza-beza iaitu dari segi umur, kerjaya dan latar belakang pendidikan. Setiap peserta kajian diberi penerangan terlebih dahulu tentang kajian ini oleh pengkaji. Maklumat berkaitan subjek kajian ditunjukkan dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: Maklumat Sampel Kajian Temu Bual

Peserta Kajian	Umur	Kerjaya	Latar Belakang Pendidikan
PK 1	38 Tahun	Suri rumah	SPM
PK 2	47 Tahun	Suri rumah	Diploma
PK 3	56 Tahun	Arkitek	Ijazah Sarjana Muda

#### 4.1. Pengetahuan Ibu Bapa dalam Proses Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) Terhadap Murid Berkeperluan Khas (MBK) Pembelajaran

Hasil dapatan temu bual yang dijalankan mendapati bahawa ibu MBK tidak mempunyai pengetahuan berkaitan proses pelaksanaan PTK terhadap MBK pembelajaran. Hal ini kerana tiada pendedahan diberikan kepada ibu bapa dan penjaga MBK pembelajaran

berkaitan program ini. Ini diakui oleh peserta kajian yang ditemu bual seperti contoh berikut:

*“ Transisi Kerjaya ni cikgu saya belum didedahkan lagi. Di sekolah memang cikgu- cikgu tak ada dedahkan langsung. Saya memang tak tahu.” (PK1)*

*“Saya tak pernah dengar. Ini lah pertama kali saya dengar. Memang tak pernah dengar sebelum ni. Tak pernah dengar langsung.” (PK2)*

*“tak pernah dengar. Ini lah pertama kali saya dengar. Memang tak pernah dengar sebelum ni. Tak pernah dengar langsung.” (PK3)*

Secara keseluruhannya, ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan berkaitan Program Transisi Kerjaya (PTK) ini. Hal ini kerana, tiada pendedahan dan maklumat diberikan kepada mereka sama ada daripada pihak sekolah mahupun guru-guru. Kekurangan pengetahuan berkaitan PTK ini secara tidak langsung memberi kesan kepada penglibatan ibu bapa terhadap PTK. Perkara ini menunjukkan bahawa, pelaksanaan PTK terhadap MBK pembelajaran masih kurang dan perlu dipertingkatkan.

#### **4.2. Penglibatan Ibu Bapa dalam Proses Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) Terhadap Murid Berkeperluan Khas (MBK) Pembelajaran**

Analisis menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta kajian tidak mempunyai penglibatan berkaitan PTK. Menurut peserta kajian, guru-guru di sekolah tidak pernah memaklumkan atau membuat mesyuarat bersama ibu bapa berkaitan PTK ini. Segala perkara berkaitan pelajaran anaknya sentiasa dirujuk kepada guru, namun berkaitan PTK tidak pernah diberi pendedahan. Hal ini diakui oleh kesemua peserta kajian seperti pernyataan berikut:

*“ Buat masa ni tiada libatkan diri dengan apa-apa sebab cikgu-cikgu langsung tidak bagitahu saya. So, saya baru tahu masa anak saya masuk kolej tu lah. So takda penglibatan saya dekat sini. Kalau mengenai anak-anak punya pelajaran, saya akan terus hubungi cikgu untuk bertanya. Itu saja, kalau cikgu nak cakap pasal benda ni memang takda.” (PK1)*

*“ Tak pernah. Secara langsung atau tak langsung memang tak pernah. Tak pernah diadakan aktiviti atau mesyuarat. Mungkin sebab sebelum ni PKP ke saya tak pasti. Memang tak pernah la.” (PK2)*

*“ Sebab tak tahu kan ada benda tu. Kalau ada I would answer yes I know about it. So no. Even masa sekolah announce pasal vocational nak masuk tahun 4 vocational kan, how you decide macam mana a child nak masuk vocational or not? Takkan simply okay ada vocational siapa nak boleh join. Takda meeting dengan parents and all langsung sebab ada parents yang call saya tanya. Katanya sekolah tak cakap apa cuma kasi borang saja.” (PK3)*

Walaupun ibu bapa tidak diberi pendedahan berkaitan PTK ini, namun ibu bapa ini sangat komited dan mengambil berat terhadap hala tuju kerjaya anak-anak mereka. Secara tidak langsung, perkara ini turut dapat membantu pihak sekolah atau guru untuk melaksanakan PTK pada masa akan datang kerana matlamat dan objektif PTK ini adalah untuk

membantu murid-murid MBK pembelajaran untuk membina kerjaya mereka. Menurut peserta kajian, mereka membantu anak-anak mereka dengan melihat kecenderungan minat mereka. Sebagai contoh, peserta kajian 1 mengajar anaknya cara untuk berniaga dengan membawa anaknya membantu beliau berniaga ketika bulan puasa. Menurut peserta kajian 1, dari situ beliau dapat melihat kemahiran anaknya dalam mengira wang dan berinteraksi bersama pelanggan. Perkara ini menimbulkan minat anak beliau terhadap perniagaan dan beliau berharap anaknya boleh meneruskan kerjaya ini apabila sudah tamat persekolahan kelak.

*“Sebab anak-anak saya memang tolong saya bisnes, dorang memang dah pandai. Selalu tolong saya pergi meniaga. Kalau bulan puasa ke saya bawa. Saya dah tengok dekat situ kemahiran dorang dah pandai kira duit, dah pandai cakap dengan customer. Daripada situ saya asah anak-anak saya so dorang dah pandai. So dari situ saya nampak hala tuju anak-anak saya. Mungkin dia minat meniaga so saya akan push dia.” (PK1)*

Peserta kajian 2 pula melihat kecenderungan anaknya lebih kepada membuat kek. Maka, beliau bersama suaminya telah merancang untuk menghantar anak mereka belajar kulinari dan menyediakan sebuah kedai untuk anak mereka berniaga. Kenyataan lanjut adalah seperti berikut :

*“Saya dengan suami memang dah buat perancangan untuk masa depan anak saya yang berdua ni. In shaa allah lepas dah habis sekolah saya akan cari dan hantar dia ke kelas kulinari untuk dia. Lepastu, saya memang dah sediakan sebuah kedai cuma belum beroperasi lah memandangkan anak saya minat baking so saya rasa dia kearah tu in shaa allah one day dia akan kedai bakery ke.” (PK3)*

Berbeza pula dengan peserta kajian 3. Menurut beliau, anak mereka mempunyai bakat dalam seni lukisan dan grafik. Beliau bersama suaminya telah merancang hala tuju kerjaya anak mereka dengan menghantar anak mereka untuk mengasah lagi bakat semula jadinya itu.

*“Our planning bukan dekat sekolah like dia belajar tajuk apa tajuk apa then kita plan. No. His career path is that we want him to go towards art and graphic using IT. But kalau dia boring dia boleh je lukis, takda masalah. Because he already has that talent so kita nak brush up that one.” (PK3)*

Hal ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta kajian amat mengambil berat terhadap hala tuju kerjaya anak-anak mereka. Bahkan apabila ditanya berkaitan penglibatan mereka terhadap PTK jika program ini dilaksanakan, mereka sangat setuju dan ingin melibatkan diri secara 100% demi kebaikan anak mereka. Hal ini ditunjukkan melalui pernyataan berikut :

*“ In shaa allah boleh.” (PK1)*

*“ In shaa allah saya beri sokongan 100% demi kebaikan anak-anak MBK.” (PK2)*

*“Sudah tentu saya dengan gembira akan melibatkan diri. Saya merupakan ibu bapa yang berpelajaran, maka saya mahukan yang terbaik untuknya dan sanggup buat ala sahaja demi anak saya.” (PK3)*

Secara keseluruhannya, tiada penglibatan daripada ibu bapa terhadap pelaksanaan PTK kepada MBK pembelajaran kerana tiada pendedahan diberikan. Namun demikian, ketiga-tiga peserta kajian sangat mengambil berat terhadap hala tuju kerjaya anak mereka dan sanggup untuk melibatkan diri dalam apa sahaja program di sekolah yang boleh membawa kebaikan kepada anak mereka.

## 5. Perbincangan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian, kesemua peserta kajian tidak mempunyai pengetahuan berkaitan PTK kerana tiada pendedahan diberikan kepada mereka daripada pihak sekolah mahupun guru. Kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat segelintir ibu bapa yang tidak mahu melibatkan diri dan melepaskan tanggungjawab menguruskan anak-anak kepada guru sahaja (Asnawi & Farhah, 2020). Namun hal ini tidak selari dengan dapatan kajian kerana ibu bapa sangat mengambil berat dan komited dalam setiap aktiviti dan perkembangan anak mereka. Permasalahan yang timbul hanyalah mereka tidak diberi maklumat dan pendedahan awal berkaitan PTK. Walhal kebanyakan guru adalah sedia maklum bahawa murid cemerlang adalah berlatar belakang keluarga yang sentiasa mengambil tahu dan melibatkan diri dengan proses pendidikan anak mereka. Kejayaan cemerlang anak sememangnya menjadi dambaan kebanyakan ibu bapa namun masih ramai ibu bapa yang tidak tahu cara untuk membantu anak mereka dalam pelajaran (Epstein, 2008). Landmark et al. (2012) turut menyatakan bahawa latihan dan pendidikan berkaitan program transisi kepada ibu bapa juga adalah sangat penting bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran seterusnya dapat menggalakkan penglibatan aktif mereka. Pendedahan berkaitan PTK bukan hanya boleh disampaikan secara bersemuka, malah pihak sekolah dan guru boleh menggunakan media sosial untuk menyampaikan segala maklumat berkaitan aktiviti dan program bagi MBK pembelajaran.

Komunikasi dengan ibu bapa melalui media sosial membolehkan informasi daripada pihak sekolah dapat disalurkan dengan mudah dan cepat serta membolehkan ibu bapa memberi maklum balas segera. Hal ini juga bertepatan dengan saranan oleh Pleet Odle et al. (2016) yang menyatakan bahawa usaha penyampaian maklumat boleh dilakukan dengan cara edaran brosur, laman web berkaitan program transisi, membekalkan senarai nombor telefon agensi-agensi berkaitan dan membantu merujuk ibu bapa kepada pertubuhan tertentu. Kesimpulannya ibu bapa memiliki kesedaran dan prihatin dengan hala tuju masa depan anak berkeperluan khas mereka. Namun, kesedaran dan keprihatinan tersebut perlu disokong dengan ilmu pengetahuan dan penglibatan yang dapat mewujudkan strategi perancangan yang betul ke arah mencapai matlamat transisi yang telah ditetapkan serta pihak yang berkaitan haruslah cakna berkaitan permasalahan yang wujud dan perbanyakkan program serta kursus keibubapaan yang boleh memberi input dan pendedahan kepada ibu bapa berkaitan PTK.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kurangnya pengetahuan ibu bapa berkaitan PTK memberi kesan kepada penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan PTK anak mereka. Namun begitu terdapat beberapa perkara atau amalan yang telah dilakukan oleh ibu bapa untuk membantu anak mereka menetapkan hala tuju kerjayanya. Jelaslah, ibu bapa bersikap prihatin dan mengambil berat persoalan hala tuju masa depan dan kerjaya anak berkeperluan khas mereka. Justeru seharusnya keprihatinan dan kesedaran ibu bapa



ini perlu disokong dengan dorongan, galakan dan dibekalkan dengan ilmu pengetahuan agar mereka dapat menyusun strategi serta dapat memainkan peranan mereka pada tahap yang optimum dalam menjayakan pelaksanaan transisi kerjaya anak mereka. Pihak sekolah seharusnya membantu ibu bapa untuk menyedari impak daripada tahap kesedaran dan ekspektasi terhadap masa hadapan anak mereka dalam membantu proses mencapai matlamat dan keputusan yang telah dibuat (Wehman et al., 2015).

Walaupun ibu bapa tidak diberi pendedahan secara terperinci berkaitan PTK, analisis dapatan kajian masih menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai kesedaran dan mengambil inisiatif sendiri untuk mencungkil bakat dan minat serta melatih anak mereka bekerja untuk mendapatkan pengalaman kerjaya yang sebenar. Latihan kerjaya di luar kawasan sekolah mendedahkan MBK dengan pengalaman kerja dalam suasana yang sebenar di samping berpeluang berinteraksi dengan masyarakat luar. Sepertimana penglibatan keluarga, penglibatan masyarakat juga akan dapat dicapai dalam beberapa cara yang berbeza (Arndt et al., 2006). Hal ini berkemungkinan kerana ibu bapa ini memiliki tanggapan yang positif terhadap pelaksanaan transisi kerjaya dalam memenuhi keperluan masa hadapan anak berkeperluan khas mereka meskipun bukan berasal dari latar belakang pendidikan yang tinggi. Keadaan ini seiring dengan kenyataan oleh Alavi, Sail dan Awang, (2013) bahawa ibu bapa dan guru lazimnya meletakkan tanggapan yang positif terhadap latihan kemahiran dalam menyediakan pendidikan yang lebih luas kepada murid yang lemah dalam pencapaian akademik dan ibu bapa yang meletakkan ekspektasi yang tinggi akan sentiasa berusaha menyediakan peluang, mendorong dan menggalakkan anak mereka untuk belajar hidup berdikari.

## 6. Kesimpulan

Kesedaran ibu bapa tentang kepentingan penglibatan mereka dalam menjayakan pelaksanaan program transisi kerjaya di sekolah perlulah seiring dengan peningkatan pengetahuan mereka. Justeru usaha ke arah meningkatkan kemahiran keibubapaan dan kemahiran advokasi dalam kalangan ibu bapa MBK perlulah ditingkatkan pada masa akan datang melalui pelbagai pendekatan dan strategi yang bersesuaian. Hal ini tentunya dapat dilaksanakan dengan pendekatan yang bersifat holistik daripada pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah itu sendiri. Hakikatnya, ibu bapa adalah merupakan individu penting yang perlu dilibatkan peranan mereka supaya segala perancangan untuk mempersiapkan diri MBK menghadapi alam pekerjaan mampu mencapai matlamat sepertimana yang telah disasarkan.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Setinggi-tinggi penghargaan dizahirkan kepada kedua ibu bapa, penyelia dan rakan-rakan seperjuangan di atas perkongsian ilmu dan sokongan moral yang diberikan. Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

### **Rujukan**

- Alavi, K., Sail, R. M., & Awang, A. H. (2013). Image of technical education and vocational training from the perspective of parents and teachers. *Journal of Technical Education and Training*, 5(1), 68-88
- Arndt, S. A., Konrad, M., & Test, D. W. (2006). Effects of the Self-Directed IEP on Student Participation in Planning Meetings. *Remedial and Special Education*, 27(4), 194–207. doi:10.1177/07419325060270040101
- Asnawi, M. S., & Khairul, F. (2020). Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Murid Berkeperluan Khas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 265-282. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/jdpd>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. doi:10.1191/1478088706qp063oa
- Cano, K. J., Cape, M. G., Cardosa, J. M., Miot, C., Pitogo, G. R., Quinio, C. M. & Marin, J. (2016). Parental involvement on pupils' performance: epstein's framework. *The Online Journal of New Horizons in Education*, 6(4), 143-150.
- Defur, S. H., Allen, M. T & Getzel, E.E. (2001) Parent Participation in the Transition Planning Process. *Career Development for Exceptional Individuals*, 24(1), 19–36. doi:10.1177/088572880102400103
- Epstein J. L., Sanders, M. G., Simon, B. S., Salinas, K.C., Janson, N. R. & Voorhis, F.L.V. (2002). *In School, Family and Community Partnerships : Your Handbook for Action*. United States of America: Corwin Press.
- Epstein, J. L. & Salinas, K. C. (2002). *Surveys and Summaries: Questionnaires For Teachers And Parent In Elementary And Middle Schools*. Baltimore: Centre on School, Family and Community Partnerships, John Hopkins University.
- Epstein, J. L. (2008). Improving Family and Community Involvement in Secondary Schools. *The Education Digest*, 73(6), 9-12.
- Friend, M. & Cook, L. (2010). *Interactions: Collaboration Skills For School Professionals. Sixth Edition*. Boston: Pearson Education Inc.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Buku Panduan Pengoperasi Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)*. Putrajaya : Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2017. Surat Pekeling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 9*. Kementerian Pendidikan Malaysia

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Garis Panduan Program Transisi ke Kerjaya Murid Berkeperluan khas. Surat Pekeling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 4*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kohler, P. D. & Field, S. (2003). Transition-Focused Education: Foundation for the Future. *The Journal of Special Education*, 37(3), 174 - 183.
- Landmark, L. J., & Zhang, D. (2012). Compliance and Practices in Transition Planning. *Remedial and Special Education*, 34(2), 113–125. doi:10.1177/0741932511431831
- Lusa, L., & Oanh, B. (2020). *Transition Planning: Voices of Chinese and Vietnamese Parents of Youth With Autism and Intellectual Disabilities*. Sage Publication.
- Nurulhuda., M.N. (2019). *Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pierangelo, R. & Jacoby, R. (1996). *Parent's Complete Special Education Guide: Tips, Techniques and Materials for Helping Your Child Succeed in School and Life*. New York: Prentice Hall.
- Pleet-Odle, A., Aspel, N., Leuchoviurs, D., Roy, S., Hawkins, C., Jennings, D., Turnbull, A. & Test, D.W. (2016). Promoting High Expectations for Postschool Success by Family Members: A –To Do List For Professionals. *Career Development and Transition for Exceptional Individuals*, 39(4), 249-255.
- Vellymalay., S.R.N. (2015). *Ibu bapa Dalam Pendidikan Anak di Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wehman., P., Sima, A.P., Ketchum, J., West, M.D., Chan, F & Luecking, R. (2015). Predictors Of Successful Transition From School To Employment For Youth With Disabilities. *Journal Occupational Rehabilitation*, 25, 323-334.